

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.11.2015

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah rasional memberi kontrak pembinaan LRT3 kepada George Kent dan MRCB pada kos RM11.5 bilion sedangkan ada syarikat membuat bida RM9 bilion, dan

(b) mengapakah George Kent masih diberi peluang sedangkan ia mempunyai prestasi buruk dalam Projek LRT sebelumnya.

JAWAPAN

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Light Rail Transit Line 3 (LRT 3) dilaksanakan secara tender terbuka pra-kelayakan dan seterusnya disenarai pendek untuk tender terhad di kalangan enam (6) syarikat. Pelantikan MRCB- George Kent JV (MRCB-GK) sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) bagi projek LRT 3 dibuat selepas konsortium tersebut lulus tiga peringkat penilaian yang ketat dan mendapat markah lulus keseluruhan yang tertinggi di antara enam (6) syarikat yang mengemukakan tawaran. Sebagai makluman, markah lulus minima penilaian adalah sebanyak 70% dan MRCB-GK mendapat 76.99%.

Mengenai kenyataan Yang Berhormat bahawa kontrak MRCB-GK bernilai RM11.5 bilion dan tawaran syarikat lain adalah sebanyak RM9 bilion adalah tidak tepat. Ini adalah kerana kesemua syarikat mengemukakan anggaran kos projek sahaja dalam dokumen tawaran. Kos projek LRT 3 ditetapkan oleh Prasarana Malaysia Berhad adalah tidak melebihi RM9 bilion dan fi PDP sebanyak enam peratus (6%) daripada kos projek yang dimuktamadkan. Dalam hal ini, kos projek sebenar bagi projek LRT 3 akan dirundingkan di antara Prasarana Malaysia Berhad dan MRCB-GK tertakluk tidak melebihi RM9 bilion.

b) George Kent melalui usahama MRCB - George Kent diberi peluang untuk melaksanakan projek LRT 3 berdasarkan kepada faktor syarikat yang berpengalaman dalam projek yang serupa serta berkemampuan untuk memberi mutu kerja yang berkualiti dan memenuhi standard yang diperlukan untuk kontrak ini.

Prasarana Malaysia Berhad juga memaklumkan bahawa konsortium George Kent - Lion Pacific yang sedang menyiapkan kerja-kerja sistem (*system works*) jajaran sambungan LRT Laluan Ampang telah memaparkan prestasi kerja yang baik dan memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Empat (4) stesen pertama sambungan jajaran LRT Laluan Ampang akan dibuka pada penghujung Oktober 2015 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2016. Oleh itu, kenyataan Yang Berhormat mengenai prestasi buruk George Kent dalam projek LRT adalah tidak tepat dan mengelirukan.